

RINGKASAN EKSEKUTIF



NAMA KUMPULAN : *TEXT RANGERS*

NAMA PROJEK : *COMPOUND ALERTS*

NAMA ORGANISASI : MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA


1. Pernyataan Masalah

Penghantaran Notis Peringatan (NP) kompaun trafik secara SMS bagi memantapkan kaedah penyampaian perkhidmatan sedia ada yang tidak melibatkan kos dan tenaga kerja yang tinggi untuk mencapai objektif notis peringatan secara menyeluruh dan membina sebuah masyarakat yang mematuhi dan menghormati undang-undang.


2. Sasaran Projek



3. Solusi dan Pencapaian



STATISTIK PELAKSANAAN PROJEK



PENGHANTARAN NP SECARA SMS

4. Penjelasan Keberhasilan (Outcome)

Jabatan mensasarkan pengurangan kebergantungan kepada penghantaran notis fizikal sebanyak 50%



Piagam pelanggan Jabatan menghendaki agar notis peringatan kompaun diserahkan empat belas (14) hari selepas tarikh kompaun dikeluarkan



Pelaksanaan notis peringatan ini telah dimasukkan di bawah ISO MBSJ.SPB.PT.PK(UU)-01 melalui skim ISO 9001:2015, ISO/IEC 27001:2013 dan ISO 37001:2016

RINGKASAN EKSEKUTIF



NAMA KUMPULAN : *TEXT RANGERS*

NAMA PROJEK : *COMPOUND ALERTS*


NAMA ORGANISASI : MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

5. Impak Projek

Meningkatkan tahap keberkesanan usaha penguatkuasaan Majlis dengan pengurangan pesalah tegar

Peningkatan hasil kompaun berikutan pemudahcara kaedah pembayaran kompaun

Projek ini dapat diperluaskan kepada penyampaian perkhidmatan lain yang berteraskan penguatkuasaan



6. Potensi Pengembangan Projek

Tahap Ketersediaan Teknologi/ sistem/ proses

- Penyeragaman Luaran:** Pelaksanaan notis peringatan ini telah dimasukkan di bawah prosedur ISO MBSJ.SPB.PT.PK(UU)-01 melalui skim ISO 9001:2015, ISO/IEC 27001:2013 dan ISO 37001:2016.
- Penyeragaman Dalaman:** Jabatan telah menyediakan manual operasi standard atau SOP prosedur kerja untuk melaksanakan projek ini.

7. Kaitan dengan Agenda Stakeholder



LAPORAN PROJEK MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT
NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

Pengenalan: Latar Belakang Kumpulan

- | | |
|-------------------------------|--|
| 1. Nama Kumpulan | <i>'Text Rangers'</i> |
| 2. Nama Jabatan | Jabatan Undang-Undang,
Majlis Bandaraya Subang Jaya |
| 3. No. Tel / Faks | 03 – 8026 3179 |
| 4. E-mel | syakirah.sulaiman@mbsj.gov.my |
| 5. Tarikh Kumpulan Ditubuhkan | 28 Januari 2022 |
| 6. Bilangan Ahli | Lapan (8) orang ahli kumpulan |

Pengenalan: Latar Belakang Projek

1. **Nama Projek**
'Compound Alerts'
2. **Keterangan Projek**
 1. Notis Peringatan Kompaun secara atas talian iaitu melalui perkhidmatan sistem pesanan ringkas ('SMS') bagi memantapkan kaedah penyampaian perkhidmatan sedia ada yang tidak melibatkan kos dan tenaga kerja yang tinggi.
 2. Di samping itu, kaedah penghantaran notis peringatan atas talian ini dapat memantapkan objektif notis peringatan secara menyeluruh sekaligus dapat mendidik masyarakat yang mematuhi undang-undang.
3. **Bidang dan Kategori Projek**
Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)
4. **Sokongan dan Kelulusan Pihak Pengurusan Tertinggi**
Kumpulan *'Text Rangers'* telah dilantik oleh Pengarah Jabatan Undang-Undang, Majlis Bandaraya Subang Jaya melalui Representasi bertarikh 28 Februari 2022.
(*Lampiran 1*).
5. **Penyataan Masalah**
 1. Pihak Majlis menetapkan bahawa serahan notis peringatan hendaklah dilaksanakan secara bertulis kepada semua pesalah yang beralamat di kawasan Majlis.
 2. Di atas kekangan kewangan berikutan pandemik COVID-19, pihak Majlis telah menetapkan secara dasar bahawa serahan notis peringatan secara pos hendaklah diterhadkan kepada pesalah di luar kawasan Majlis sahaja.
 3. Dalam perkara ini, serahan secara sendiri hendaklah dilaksanakan bagi pesalah yang menetap di kawasan Majlis.
 4. Walau bagaimanapun, pemerhatian Majlis mendapati sejumlah besar Orang Kena Kompaun (OKK) mempunyai alamat di luar kawasan Majlis. Selanjutnya, majoriti OKK ini juga telah gagal membuat bayaran kompaun dalam tempoh yang

ditetapkan sekaligus menunjukkan bahawa penghantaran notis peringatan fizikal ini tidak mencapai objektifnya secara keseluruhan.

5. Oleh yang demikian, kos cetakan dan penghantaran pos yang kian meningkatkan yang telah menyebabkan beban kewangan yang tinggi kepada pihak Majlis bukan sahaja mendatangkan kerugian, malah memberikan impak yang buruk kepada alam sekitar. Bukan itu sahaja, malah tuntutan serahan sendiri menggunakan perkhidmatan kakitangan Jabatan sendiri juga amat membebankan memandangkan jumlah tenaga kerja ini adalah sangat terhad.
6. Kebanyakan notis peringatan juga dipulangkan semula kepada Majlis memandangkan alamat yang berdaftar dalam sistem adalah tidak lengkap atau tidak wujud, sekaligus meningkatkan tahap pembaziran yang perlu ditanggung oleh Majlis.
7. Sehubungan ini, memandangkan majoriti Orang Kena Kompaun (OKK) tidak menerima atau akur dengan notis peringatan ini, ianya telah menjejaskan usaha penguatkuasaan Majlis serta memberikan impak yang signifikan kepada kutipan hasil Majlis.

6. Justifikasi Masalah

1. Kos cetakan dan penghantaran pos notis peringatan yang tinggi menyebabkan beban kewangan yang tinggi kepada Majlis.
2. Jejak karbon Jabatan juga meningkat memandangkan notis peringatan ini menggunakan sehelai kertas A4 dan sepucuk sampul surat bagi setiap notis yang diserahkan.
3. Notis peringatan yang gagal diserahkan dan dikembalikan semula kepada Majlis menyebabkan kerugian dan pembaziran kertas memberikan impak buruk kepada alam sekitar.
4. Pesalah yang tidak mendaftarkan alamat secara lengkap atau alamat yang didaftarkan adalah tidak wujud tidak akan menerima notis peringatan, sekaligus menjejaskan usaha penguatkuasaan Majlis.

7. Sasaran Projek Ditetapkan

Memperkasakan perkhidmatan Majlis ke arah digitalisasi selaras dengan peredaran zaman	Mengurangkan beban tenaga kerja yang terhad	Mendidik masyarakat madani sekaligus dapat meningkatkan hasil Majlis
Memperkenalkan kaedah yang lebih mudah untuk menggalakkan pembayaran kompaun	Mengurangkan kadar pesalah tegar	Menyokong visi dan misi Majlis ke arah inisiatif bandaraya hijau yang harmoni dan 'Go Green'

SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

1. Kaitan dengan Fungsi Utama Jabatan

1.1. Misi Jabatan

“Memberikan perkhidmatan perundangan yang profesional bagi membina sebuah masyarakat bandaraya yang madani menjelang tahun 2030.”

1.2. Objektif Jabatan

- (a) Menguruskan proses pendaftaran, persidangan dan perbicaraan bagi kes-kes saman di bawah pentadbiran Majlis
- (b) Melaksanakan pengurusan pentadbiran dan pengendalian kes kompaun, saman dan pendakwaan Majlis
- (c) Memberi khidmat nasihat perundangan kepada Majlis mengenai perkara-perkara perundangan dan melaksanakan keputusan-keputusan Majlis mengenai perkara-perkara perundangan supaya tidak bercanggah dengan Undang-Undang.

1.3 Hubungan Elemen dan Rasional Projek

BIL.	ELEMEN	RASIONAL
1.	Menyediakan perkhidmatan perundangan yang profesional	Memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah mesra pengguna
2.	Membina sebuah masyarakat bandaraya yang madani	Membina sebuah masyarakat madani yang patuh dan hormat kepada peruntukan undang-undang

2. Kaitan dengan Kehendak Pelanggan

2.1. Piagam Pelanggan Jabatan

“Jabatan Undang-Undang kekal komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran di bawah Akta, Perintah dan Undang-Undang Kecil Majlis dalam usaha untuk mencapai sebuah Bandaraya yang mampan dan bestari serta membangunkan masyarakat yang madani”.

2.2. Hubungan Elemen dan Rasional Projek

Orang Kena Kompaun (OKK)	•Menambahbaik kemudahan penerimaan Notis Peringatan dan membuat pembayaran atas talian dengan mudah dan mesra pengguna
Kakitangan Bahagian Pendakwaan	•Menambah baik proses pekerja, laporan operasi dan keselamatan Pembantu Tadbir Operasi khususnya ketika proses penghantaran notis peringatan
Orang Awam	•Meyakinkan masyarakat bahawa Majlis memandang serius tindakan OKK yang memandang remeh kompaun yang dikeluarkan

2.3. Maklum Balas Pelanggan


Jabatan telah menerima maklum balas positif daripada pelanggan berikutan pelaksanaan penghantaran notis peringatan secara atas talian, terutamanya dari segi notis peringatan yang dihantar terus kepada telefon bimbit pesalah. Ianya memberi peringatan serta merta serta memudahkan pembayaran memandangkan Jabatan telah menyediakan pautan kepada laman sesawang portal MBSJ.

2.4. Kajian kepuasan pelanggan


- (a) Jabatan telah melaksanakan tinjauan penduduk berkenaan kaedah penghantaran notis peringatan secara atas talian.

- (b) 63.6% peratus daripada responden merupakan pihak-pihak yang pernah dikenakan kompaun di mana 72.7% daripada mereka juga pernah menerima notis peringatan kompaun.

Statistik Responden Yang Pernah Dikenakan Kompaun




Statistik Keberkesanan Penghantaran Notis Peringatan Secara SMS



- (c) 81.8% daripada responden berpandangan bahawa penghantaran notis peringatan ini adalah lebih efektif berbanding notis secara bertulis. Manakala 9.1% daripada responden menyatakan bahawa penghantaran secara SMS dan bertulis perlu dilaksanakan secara serentak.
- (d) 100% daripada responden bersetuju bahawa kebaikan penghantaran notis peringatan secara atas talian adalah cepat dan pantas dan 54.5% menyatakan bahawa kaedah ini memudahkan pembayaran kompaun secara atas talian.
- (e) Secara keseluruhan, projek ini menerima sambutan yang baik daripada penduduk Majlis dan wajar diteruskan.

Statistik Maklum Balas Daripada Responden



3. Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stakeholder)

3.1. Pelan Strategik Subang Jaya 2020 – 2025



Selaras dengan Misi MBSJ untuk mewujudkan dan menguruskan bandaraya yang mempunyai persekitaran yang kondusif bertaraf antarangsa ke arah menjadikan kehidupan bandar yang bahagia, sejahtera, harmoni dan mampan menjelang tahun 2030, Projek ini telah dirancang dan dilaksanakan berdasarkan empat (4) daripada enam (6) Teras Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025 iaitu:

- (a) **Teras 2** bertujuan untuk **memantapkan infra dan kemudahan awam** dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui digitalisasi;
- (b) **Teras 3 iaitu Pembangunan Mampan** mempunyai objektif untuk mewujudkan ekosistem bandaraya yang hijau, kondusif dan mampan. Melalui inisiatif Jabatan untuk mengurangkan penggunaan kertas serta mengurangkan jejak karbon (*'carbon footprint'*) dapat mewujudkan persekitaran pejabat yang lebih hijau;
- (c) **Teras 5 iaitu Capaian Pintar** juga bertujuan untuk mengoptimumkan keperluan dan keselesaan masyarakat serta meningkatkan kelancaran urusan kehidupan; dan
- (d) **Teras 6 iaitu Pembentukan Masyarakat Madani** di mana projek ini berpotensi untuk membentuk masyarakat yang menghormati undang-undang dengan pendekatan yang baik dan mesra pelanggan oleh Majlis. Adalah harapan Jabatan bahawa kaedah penghantaran notis peringatan secara SMS dapat menjadi pemudahcara kepada masyarakat dalam menguruskan kompaun yang telah dikenakan ke atas mereka.

4. Kaitan dengan Agenda Kerajaan Negeri

4.1. Smart Selangor



Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan satu Pelan Tindakan '*Smart Selangor*' yang menggariskan program utama, sasaran serta inisiatif yang perlu dilaksanakan ke arah negeri pintar menjelang 2025. Projek ini menyahut seruan Pelan Tindakan tersebut di mana beberapa elemen Projek ini memenuhi tiga Teras Pelan Tindakan tersebut seperti berikut:

(a) **Smart Government**

Smart Government merupakan sebuah pihak berkuasa yang menggunakan teknologi digital untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan efisien kepada pelanggan. Projek ini telah mengubah pendekatan Majlis daripada manual ke arah digitalisasi.

(b) **Smart Community**

Smart Community merupakan sebuah masyarakat setempat yang komited untuk bergabung untuk menyelesaikan masalah yang memberi kesan dan impak kepada kesejahteraan penduduk. Salah satu cara Projek ini telah merealisasikan teras ini adalah melalui penghantaran notis secara terus ke telefon bimbit pesalah yang selaras dengan trend pemodenan zaman kini untuk menyelesaikan urusan harian di hujung jari.

(c) **Smart Economy**

Salah satu inisiatif yang diperkenalkan melalui Smart Selangor yang digunakan dalam Projek ini adalah '*Cashless Society*' iaitu kolaborasi dengan aplikasi bayaran digital untuk memudahkan pengurusan pentadbiran dengan orang awam.

5. Kaitan dengan Agenda Nasional

5.1. Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas 2021 – 2025 (RMK12)

RMK12 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-Sembilan, YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada September 2021 dengan objektif untuk menjadikan Malaysia 'Makmur, Inklusif, Mampan' menjelang 2030. Di atas perkara ini, Projek ini menyahut seruan kerajaan dengan menepati tema dan pemangkin berikut:



- (a) **Tema 2:** Melonjakkan Kemampanan melalui pengurangan jejak karbon dengan menggunakan kertas seminima mungkin dan meningkatkan penghantaran notis secara atas talian;
- (b) **Pemangkin Dasar 2:** Mempercepat Penerimaan Teknologi Dan Inovasi dengan memperkenalkan kaedah penyampaian perkhidmatan yang lebih bersesuaian dengan peredaran zaman seperti SMS terus ke telefon bimbit pesalah; dan
- (c) **Pemangkin Dasar 4:** Memperkukuh Perkhidmatan Awam dengan memudahkan urusan orang awam dengan pihak Majlis selaku pihak berkuasa tempatan.

5.2. Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR)

Revolusi Perindustrian Keempat yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-Lapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin merupakan dasar negara yang menyeluruh untuk memacu usaha bersepadu dalam mentransformasi pembangunan melalui penggunaan teknologi. Projek ini dilaksanakan selaras dengan **Dasar 4 4IR** iaitu mempercepat inovasi dan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat.



6. Kaitan dengan Matlamat Antarabangsa

United Nations' Sustainable Development Goals

(UNSDG) telah diperkenalkan pada September 2015 sebagai satu Agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu demi pembangunan mampan yang perlu dicapai menjelang 2030. Projek ini telah dilaksanakan sejajar dengan empat (4) Matlamat berikut:



- (a) **SDG 12: *Responsible Consumption And Production*** dengan memastikan tiada pembaziran berlaku daripada tindakan pihak Majlis seperti membuat cetakan yang berkeperluan sahaja;
- (b) **SDG 13: *Climate Action*** dengan mengurangkan jejak karbon Majlis melalui pengurangan penggunaan kertas;

- (c) **SDG 16: Peace, Justice And Strong Institutions** dengan mempromosikan masyarakat aman dengan membina institusi yang berkesan dan adil pada semua tahap; dan
- (d) **SDG 17: Partnerships for the Goals** melalui kerjasama Majlis dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

7. Kaitan dengan Keadaan dan Ekosistem Semasa

7.1. Isu Keselamatan

- (a) Projek '*Compound Alerts*' ini bertujuan untuk memantapkan prosedur proses kerja sedia ada Bahagian Pendakwaan Jabatan Undang-Undang Majlis dalam penghantaran notis peringatan yang tinggi secara manual di mana Pembantu Tadbir Operasi sering terdedah kepada cuaca dan keadaan jalan yang tidak selamat; dan
- (b) Ini memberi kesan terhadap sasaran notis yang perlu dikeluarkan kepada OKK. Projek ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja (*man-hours*) yang padat, menjamin keselamatan PTO dan boleh melapangkan sedikit masa bagi menghantar saman kepada Pesalah.

7.2. Isu Kegawatan Ekonomi

- (a) Berikutan pandemik COVID-19, Kerajaan mengamalkan dasar penjimatan secara meluas dan menggalakkan langkah-langkah penjimatan bagi memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat; dan
- (b) Salah satu sumbangan Jabatan ke arah ini adalah dengan mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan pos.

7.3. Isu Persekitaran

- (a) Projek '*Compound Alerts*' ini terbukti dapat mengurangkan penggunaan kertas dan jejak karbon yang tinggi di mana Jabatan mengadaptasikan sistem penghantaran notis peringatan secara sendiri kepada sistem pesanan ringkas secara terus kepada pesalah dengan mengguna pakai sistem milik kerajaan persekutuan.

8. Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis

8.1 Tools (5W1H)

BIL.	TOOLS (5W1H)	MAKLUM BALAS
1.	WHAT	Apakah yang dimaksudkan dengan '<i>Compound Alerts</i>'? Satu sistem penambahbaikan penghantaran Notis Peringatan secara atas talian kepada Orang Kena Kompaun yang melakukan kesalahan trafik di kawasan MBSJ.
2.	WHO	Siapakah yang terlibat dengan projek tersebut ? (a) Pegawai Undang-Undang (b) Kakitangan Bahagian Pendakwaan

		(c) Orang Kena Kompaun
3.	WHEN	Bilakah projek ini diwujudkan? 28 Januari 2022
4.	WHERE	Di manakah projek ini dilaksanakan? Bahagian Pendakwaan, Jabatan Undang-Undang, Majlis Bandaraya Subang Jaya
5.	WHY	Kenapakah sistem ini diwujudkan? Untuk menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan bagi penghantaran Notis Peringatan Kompaun Trafik sedia ada dengan lebih efisien, hijau dan mesra pengguna.
6.	HOW	Bagaimanakah sistem ini diciptakan? Projek ini dilaksanakan menggunakan Sistem Dapat Vista di bawah kawalan pihak MAMPU sepenuhnya

8.2 Rekod

BIL.	JENIS REKOD	PERKARA
1.	MINIT MESYUARAT	(a) Perbincangan Penciptaan Sistem Projek (<i>Lampiran 2</i>)
2.	KELULUSAN PELAKSANAAN PROJEK	(a) Representasi Kelulusan Pelaksanaan Projek
3.	MEMO PENGESAHAN	(a) Pengesahan pelaksanaan Projek (<i>Lampiran 3</i>)

8.3 Data Verifikasi

Projek ini telah melalui proses uji kaji selama enam (6) bulan daripada bulan Mac 2022 sehingga September 2022. Seterusnya, Projek ini telah dilaksanakan sepenuhnya secara meluas bermula Oktober 2022 di mana keberhasilan projek adalah seperti berikut:


BULAN	JUMLAH NOTIS PERINGATAN	BERJAYA SMS	PENGURANGAN NOTIS FIZIKAL (%)
OKTOBER 2022	7,618	4,979	65%
NOVEMBER 2022	5,264	3,512	66%
DISEMBER 2022	7,871	5,109	65%

9. Pernyataan Sasaran Outcome dan Impak

9.1 Pernyataan Sasaran Outcome Projek




9.2 Pernyataan Sasaran Impak Projek



10. Pembuktian Melalui Analisis (Data Awalan)

Carta di bawah menunjukkan tahap keberkesanan projek ini melebihi sasaran iaitu melebihi 50% daripada jumlah notis peringatan dihantar menggunakan perkhidmatan atas talian. Pencapaian terkini adalah melebihi 65% daripada jumlah keseluruhan notis peringatan diserahkan menggunakan perkhidmatan SMS.



TINDAKAN PENYELESAIAN

1. Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools

1.1 Empathy Mapping (Compound Alerts)

HEAR	THINK & FEEL
1. Tiada arahan 2. Tiada kemudahan pembayaran	1. Alamat pesalah tidak wujud atau tidak dapat dikesan 2. Menyumbang kepada penggunaan kertas dan cetakan yang tinggi
SAY & DO	SEE
1. Penyerahan NP secara rambang berdasarkan alamat 2. NP tidak diterima oleh OKK	1. Laporan / data penyerahan NP dan saman adalah secara manual dan fizikal 2. OKK beralamat di luar kawasan tidak dapat menerima Notis Peringatan


1.2 Define – Point Of View (*Compound Alerts*)

BIL.	USERS	NEEDS	INSIGHTS
1	Orang Kena Kompaun	i. Memberikan makluman kesalahan kepada OKK melalui notis peringatan atas talian ii. Menyediakan kemudahan perkhidmatan pembayaran atas talian melalui pautan link di dalam Notis Peringatan atas talian yang diterima.	i. Pemakluman secara terus kepada pemilik kenderaan ii. Perkhidmatan pembayaran yang cepat, mudah dan mesra pengguna.
2	Pembantu Tadbir Operasi	Menyerahkan Notis Peringatan kepada OKK yang melakukan kesalahan undang-undang di sekitar kawasan Majlis.	Serahan NP boleh dihantar tanpa kekangan penyerahan NP sama ada di dalam atau luar kawasan Majlis dengan tenaga kerja yang lebih minima.
3	Pegawai/ Kakitangan Bahagian Pendakwaan	Keperluan tenaga kerja bagi memproses dan mencetak sejumlah Notis Peringatan serta Saman sebelum di bawa ke peringkat pendakwaan.	Menjimatkan penggunaan tenaga kerja dan kerja dapat dihasilkan dengan lebih baik tanpa penggunaan kertas yang tinggi.

2. Penghasilan Prototaip

2.1 Percambahan Idea Produk (*Sistem Compound Alerts*)

- (a) Sistem *Compound Alerts* dicipta menggunakan gabungan beberapa sistem milik agensi kerajaan seperti berikut:



3. Pengujian Prototaip

3.1 Uji Cuba Produk

Sistem Compound Alerts telah diuji cuba sebanyak tiga (3) kali bagi mengenalpasti perkara berikut:

- (a) Kebolehan Sistem IRMS untuk ekstrak data kompaun mengikut format yang ditetapkan;
- (b) Statistik nombor telefon yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia; dan
- (c) Kemampuan Sistem Dapat Visa untuk menghantar notis peringatan mengikut tarikh yang ditetapkan (14 hari selepas tarikh kompaun dikeluarkan).


Uji Cuba	Tarikh Uji Cuba	Tindakan	Cadangan Penambahbaikan
1	17 Mei 2022	(a) <i>Single delivery</i> (b) Pautan Portal Ezy MBSJ	(a) Penukaran kepada ' <i>batch delivery</i> ' (b) Menyatakan tarikh kompaun (c) Menyatakan nombor plat kenderaan dikompaun
2	22 September 2022	(a) <i>Batch delivery</i> (b) Menyatakan tarikh kompaun (c) Menyatakan nombor plat kenderaan dikompaun	(a) Penukaran kepada ' <i>scheduled batch delivery</i> ' (b) Penambahbaikan pernyataan SMS
3	29 September 2022	(a) ' <i>Scheduled Batch Delivery</i> ' (b) Pernyataan lebih lengkap	Uji cuba berjaya, tiada ruangan penambahbaikan setakat ini

4. Perakuan Daripada Pihak Bertauliah

4.1 Pelaksanaan notis peringatan ini telah dimasukkan di bawah ISO MBSJ.SPB.PT.PK(UU)-01 melalui skim ISO 9001:2015, ISO/IEC 27001:2013 dan ISO 37001:2016 (**Lampiran 4**).

5. Pelaksanaan Inovasi

Berikut adalah contoh uji cuba yang berjaya bertarikh 29 September 2022 melalui tangkap layar yang dihantar secara SMS kepada salah seorang ahli kumpulan Text Rangers:




KEBERHASILAN PROJEK – OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

1. Pencapaian Outcome

PROSES SEBELUM DAN SELEPAS INOVASI

1.1 Sebelum

(a) Proses mencetak dan menyusun jumlah NP yang tinggi secara manual mengikut zon kawasan setiap hari.




(b) Jumlah penghantar notis yang terhad yang ditugaskan untuk membuat penghantaran notis secara harian:



1.2 Selepas


(a) Akses sistem yang cepat dan mudah; dan

(b) Sejumlah NP boleh disampaikan secara terus dalam satu masa.



1.3 Elemen Keberkesanan

(a) Gambar faedah yang nyata diperolehi:




(b) Penjanaan pendapatan

- i. Notis peringatan kompaun bertujuan untuk memberi peringatan kepada pesalah untuk membayar kompaun-kompaun yang dikenakan ke atas mereka.
- ii. Dengan mempelbagaikan kaedah penghantaran notis peringatan ini, Jabatan mensasarkan bahawa pendapatan Majlis akan meningkat.

2. Faedah Sampingan (Luar Jangka)

Elemen Inovatif / Kreatif



Elemen Signifikan

1. Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan

- a. Pelaksanaan penghantaran notis peringatan secara atas talian ini secara langsung memberikan impak positif ke arah penyampaian perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dengan melancarkan urusan dari segi penerimaan peringatan dan pembayaran kompaun yang cepat sekaligus mencapai objektif Majlis ke arah membentuk sebuah masyarakat yang madani.

2. Penjimatan masa

- a. Pelaksanaan 'Compound Alerts' ini dapat memantapkan prosedur penyampaian notis peringatan sedia ada oleh PTO dengan hanya memuat naik data dan akses ke dalam sistem yang telah ditetapkan secara terus kepada sejumlah pesalah pada satu-satu masa.

3. Penjimatan kos

- a. Pelaksanaan '*Compound Alerts*' ini tidak melibatkan kos yang tinggi kerana data dan maklumat sedia diperolehi di dalam sistem PBTPay. Tambahan pula, Jabatan tidak memerlukan peruntukan besar dalam penghantaran sms.
- b. Selain itu, Jabatan dapat mengurangkan penggunaan kertas dan pembiayaan kos pencetakan notis peringatan yang tinggi melalui penghantaran notis peringatan secara atas talian ini.

4. Penjimatan sumber manusia

- a. Pelaksanaan Compound Alerts ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja (*man-hours*) yang padat dan melapangkan sedikit masa PTO Jabatan untuk menghantar saman dengan lebih cekap dan efisien.


5. Sejauh mana ianya memenuhi objektif inisiatif ini diambil

- a. Pelaksanaan projek ini memenuhi objektif iaitu dengan meningkatkan kadar penghantaran notis peringatan kepada pesalah secara lebih menyeluruh dan bukan sahaja di dalam kawasan Majlis.
- b. Seterusnya, penghantaran notis peringatan secara atas talian juga telah mengurangkan kos operasi dan mengurangkan penggunaan kertas serta tenaga kerja manual.

Implikasi Kewangan

Kekangan utama Majlis dalam isu notis peringatan adalah kos yang tinggi iaitu pihak Jabatan perlu membiayai kos pencetakan serta penghantaran notis peringatan yang tinggi. Walau bagaimanapun, melalui inovasi projek ini, Jabatan dapat mengurangkan kos operasi secara signifikan di mana perbelanjaan kos adalah wajar dan bersesuaian dengan manfaat projek.

Bil	Perkara	Anggaran Kos / Tahun (per notis)	
		Sebelum Inovasi	Selepas Inovasi
1.	Kepala Surat (1 helai)	RM 0.05	Tiada
2.	Kertas A4 (1 helai)	RM 0.03	Tiada
3.	Kulit Fail (1 keping)	RM 2.00	Tiada
4.	Dakwat (1 helai)	RM 0.60	Tiada
5.	Tenaga Kerja / Kos Penghantaran - 1 Pembantu Tadbir Operasi	RM 1.90 1 <i>man hours</i>	RM 0.10 0.1 <i>man hours</i>
JUMLAH		RM 4.58	RM 0.10



Graf Penjimatan Kos Sebelum Dan Selepas Inovasi

KEBERHASILAN PROJEK – IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

1. Penilaian Impak dan Pembuktian

Kesan Kepada Pembentukan Masyarakat Bandaraya Yang Madani


- Kecekapan dari segi penyampaian perkhidmatan yang efektif membuktikan kepada pesalah bahawa Majlis memandang serius kesalahan yang dikompaunkan serta tindakan tidak bertanggungjawab OKK yang melengahkan pembayaran kompaun.
- Dalam perkara ini, jadual di bawah menunjukkan pencapaian projek 'Compound Alerts' berbanding dengan sasaran KPI yang telah ditetapkan iaitu 50%:

BULAN	JUMLAH NOTIS PERINGATAN	BERJAYA SMS	PENGURANGAN NOTIS FIZIKAL (%)
OKTOBER 2022	7,618	4,979	65%
NOVEMBER 2022	5,264	3,512	66%
DISEMBER 2022	7,871	5,109	65%

2. Faedah Sampingan (Luar Jangka)

- Projek ini dicipta dan diperkenalkan pada asalnya untuk menyelaraskan semula proses kerja dengan mengubah tindakan manual kepada pendekatan teknologi.
- Melalui Projek ini telah banyak kebaikan yang dapat diterapkan seperti menjadikan penyampaian perkhidmatan lebih efisien dan cepat, memudahkan proses pembayaran kompaun oleh orang awam serta memberikan peluang kepada orang awam untuk mendapat kesedaran daripada kesalahan yang dilakukan.
- Walau bagaimanapun, faedah sampingan luar jangka yang diperolehi melalui Projek ini adalah peningkatan hasil kompaun serta pengurangan kes-kes yang perlu didakwa memandangkan kes telah tutup di peringkat kompaun.

- (d) Ini menunjukkan bahawa Projek ini bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada kakitangan Majlis, tetapi juga kepada Majlis sendiri di mana jumlah kompaun yang dibayar dan hasil Majlis meningkat jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini di mana Notis Peringatan dihantar secara sendiri.



Berdasarkan kepada carta yang dilampirkan ini secara jelasnya menunjukkan peningkatan pembayaran kompaun yang secara nyata meningkat sebanyak 10% dan dijangka akan meningkat dengan lebih tinggi lagi pada masa akan datang dengan meningkatnya tahap kesedaran awam masyarakat.

- (e) Kedua-dua perkara ini merupakan satu indikator kejayaan Projek ini dalam menyahut Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025 ke arah membina sebuah Masyarakat Bandaraya Yang Madani.

POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

1 Tahap Ketersediaan Teknologi/ sistem/ proses

1.1 Penyeragaman Luaran

- (a) Pelaksanaan notis peringatan ini telah dimasukkan di bawah prosedur ISO MBSJ.SPB.PT.PK(UU)-01 melalui skim ISO 9001:2015, ISO/IEC 27001:2013 dan ISO 37001:2016

1.2 Penyeragaman Dalaman

- (a) Selanjutnya, Jabatan juga telah menyediakan manual operasi standard atau SOP prosedur kerja untuk melaksanakan projek ini (**Lampiran 5**).

2 Tahap Replikasi atau Pengkomersialan

- (a) Pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan satu taklimat penggunaan sistem yang meliputi sistem integrasi MySikap JPJ pada 25 Mei 2022 dan 26 Mei 2022 di mana pihak Jabatan telah membuat perkongsian ringkas tentang kegunaan sistem tersebut yang telah dimanfaatkan di luar tujuan asalnya.
- (b) Pihak Jabatan yakin bahawa penciptaan inovasi ini boleh menjadi pemangkin kepada PBT yang lain untuk bersama-sama memperkasakan tindakan penguatkuasaan sedia ada, dengan mengubah pendekatan yang lebih sesuai dengan peredaran zaman.

LAMPIRAN

1

REPRESENTASI KEPADA PENGARAH UNDANG-UNDANG

PERKARA : CADANGAN PROJEK KUMPULAN INOVASI KREATIF (KIK) JABATAN UNDANG-UNDANG BAGI TAHUN 2022

Puan Pengarah,

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Jabatan Undang-Undang telah menghantar notis peringatan selama melebihi 10 tahun yang lalu.
- 1.2 Notis peringatan merupakan satu inisiatif Jabatan Undang-Undang untuk menggalakkan Orang Kena Kampaun (OKK) untuk membayar kompaun yang telah dikenakan ke atas mereka. Secara lazimnya, notis peringatan akan dihantar kepada pihak OKK empat belas (14) hari selepas kompaun dikeluarkan. Ini memberi masa kepada OKK untuk menyelesaikan kompaun yang dikeluarkan dan peringatan bahawa kes akan diteruskan ke pendakwaan sekiranya kompaun tidak dibayar.
- 1.3 Pada peringkat permulaan, Jabatan telah menggunakan khidmat penghantar notis atau kurier di mana anggaran kos tahunan adalah RM 120,000.00. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2020, pihak Majlis telah menamatkan kontrak perkhidmatan kurier dan Pembantu Tadbir Operasi Jabatan Undang-Undang telah menggalas tugas tersebut sehingga ke hari ini.
- 1.4 Seterusnya, secara anggaran, jumlah notis peringatan yang dijana adalah 3,000 – 5,000 notis sebulan dan ianya adalah terhad kepada premis di kawasan pentadbiran Majlis. Daripada jumlah ini, anggaran 80% notis peringatan yang dijana berjaya diserahkan kepada OKK.
- 1.5 Melalui rekod Majlis, jumlah kompaun trafik yang dikeluarkan lebih banyak berbanding kompaun pelbagai. Seterusnya, terdapat banyak usaha Majlis untuk mengambil tindakan yang lebih serius ke atas pesalah kompaun pelbagai seperti pendakwaan di Mahkamah, dan melalui *Task Force MC-10*. Walau bagaimanapun, pesalah trafik, terutamanya pesalah tegar tidak dibawa ke peringkat pendakwaan.
- 1.6 Secara tidak langsung, secara jelasnya menunjukkan bahawa majoriti kompaun iaitu kompaun trafik boleh meningkatkan hasil Majlis yang terjejas akibat kedudukan ekonomi yang tidak stabil pada masa sekarang.

2.0 MASALAH DAN KEKANGAN

- 2.1 Kekangan utama Majlis dalam isu notis peringatan adalah kos yang tinggi iaitu dengan anggaran bajet tahun berjumlah RM 120,000.00. Perkara ini juga merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada keputusan Majlis untuk mengamanahkan tugas penghantaran notis peringatan kepada Pembantu Tadbir Operasi Jabatan Undang-Undang. Tambahan pula, pihak Jabatan perlu membiayai kos pencetakan notis peringatan yang tinggi seperti berikut:

Bil	Perkara	Anggaran Kos / Tahun
1.	Kepala Surat - 3,500.00 notis / bulan - 1 rim (500 keping) = RM 24.00	RM 1,728.00
2.	Kertas A4 (Laporan Penyerahan) - 250 laporan / bulan - 1 rim (500 keping) = RM 12.50	RM 75.00
3.	Kulit Fail - 9 fail / bulan - 1 fail = RM 2.00	RM 216.00
4.	Dakwat Mesin Pencetak - 2 dakwat / bulan - 1 dakwat = RM 1,000.00	RM 12,000.00
5.	Tenaga Kerja - 8 Pembantu Tadbir Operasi - 1 Pegawai Waran Tangkap	1,800 man hours
JUMLAH		RM 14,019.00

- 2.2 Seterusnya, faktor jumlah notis peringatan yang tinggi yang memerlukan pihak Jabatan untuk mengutamakan pesalah-pesalah yang menetap di kawasan Majlis sahaja. Oleh yang demikian, kebanyakan notis peringatan bagi pesalah trafik yang beralamat di luar kawasan Majlis tidak diserahkan sekaligus menjejaskan jumlah pendapatan Majlis.
- 2.3 Selanjutnya, setakat ini tiada tindakan penguatkuasaan yang tegas dikenakan terhadap pesalah trafik. Berlainan dengan pesalah kompaun pelbagai yang dikenakan tindakan pendakwaan sekiranya kompaun tidak berbayar, pesalah kompaun trafik tidak dibawa ke peringkat pendakwaan. Walau bagaimanapun, Jabatan telah memantapkan usaha ini dengan memperkenalkan inisiatif senarai hitam kenderaan tetapi program ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan seperti pewartaan Warden Lalu Lintas.

3.0 LATAR BELAKANG CADANGAN PROJEK

- 3.1 Selaras dengan pemodenan teknologi ke arah digitalisasi dan mesra alam sekitar (*'eco-friendly'*), Jabatan dicadangkan untuk menghantar notis peringatan kompaun trafik secara atas talian iaitu melalui perkhidmatan pesanan ringkas (*'SMS'*).
- 3.2 Cadangan projek ini dikategorikan sebagai satu **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Kreatif** kerana ianya merupakan satu projek yang melibatkan penciptaan produk baru.
- 3.3 Melalui kaedah ini, Jabatan juga boleh memantapkan lagi usaha untuk mengingatkan dan menggalakkan pembayaran kompaun dengan menetapkan frekuensi yang lebih kerap berbanding hanya sekali hantar. Contohnya, peringatan atas talian ini boleh dihantar bagi pesalah-pesalah tegar secara bulanan sebagai tambahan kepada notis peringatan harian.
- 3.4 Di atas perkara ini, dianggarkan bahawa Jabatan tidak perlu membiayai sebarang kos tambahan di atas faktor-faktor berikut:
 - 3.4.1 Data dan maklumat yang sedia ada boleh diperolehi daripada sistem PBTPay yang telah sedia digunakan oleh Majlis. Bagi data dan maklumat yang tidak didaftarkan dalam sistem boleh diusahakan melalui usaha-sama bersama pihak telekomunikasi tempatan;
 - 3.4.2 Khidmat penghantaran SMS juga adalah percuma berlandaskan kepada penawaran khidmat SMS percuma oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui sistem PBTPay. Tambahan pula, pihak Majlis juga mempunyai talian SMS yang boleh dimanfaatkan bersama bagi tujuan projek ini; dan
 - 3.4.3 Penjanaan laporan yang mudah melalui sistem IRMS yang tidak melibatkan sebarang proses pengurusan yang rumit.
- 3.5 Sehubungan ini, cadangan tajuk projek adalah **'Notis Peringatan Atas Talian'**. Walau bagaimanapun, saya berbesar hati sekiranya Puan Pengarah mempunyai sebarang cadangan tajuk lain yang lebih menyerlah dan kreatif.
- 3.6 Selanjutnya, cadangan nama kumpulan adalah **'Text Rangers'** yang bukan sahaja secara ringkasnya menjelaskan peranan utama projek tetapi juga adalah menarik.

- 3.7 Oleh yang demikian, bagi penyertaan KIK 2022, saya mencadangkan pegawai dan kakitangan berikut untuk menyertai kumpulan Jabatan Undang-Undang seperti berikut:

Bil	Nama dan Jawatan	Peranan
1.	Cik Nur Syakirah Binti Sulaiman Penolong Pengarah, Bahagian Pendakwaan	Fasilitator KIK / Ketua Kumpulan
2.	Cik Nurul Atiqah Binti Razali Penolong Pegawai Undang-Undang, Bahagian Gubalan dan Khidmat Nasihat	Penyelaras Projek
3.	Puan Laila Syofwati Binti Zaini Pembantu Tadbir (Kanan), Bahagian Pendakwaan	Penyelaras Bahagian Data dan Maklumat
4.	Puan Umi Kalsum Binti Rahman Pembantu Tadbir, Bahagian Pendakwaan	Pembantu Bahagian Data dan Maklumat
5.	Encik Nor Aidi Bin Azhar Pembantu Tadbir Operasi, Bahagian Pendakwaan	Penyelaras Bahagian Operasi (Penghantaran SMS)
6.	Encik Mohd Zakre Bin Mohd Basri Pembantu Tadbir Operasi, Bahagian Pendakwaan	Pembantu Bahagian Operasi (Penghantaran SMS)
7.	Encik Shah Effendi Bin Shapie Pegawai Waran Tangkap, Bahagian Pendakwaan	Penguatkuasaan
8.	Encik Bukhari Bin Ismail Pegawai Waran Tangkap, Bahagian Pendakwaan	Penguatkuasaan

4.0 JANGKAAN IMPAK PROJEK

- 4.1 Peningkatan pembayaran kompaun sekaligus meningkatkan jumlah hasil Majlis. Ini juga dapat mengurangkan jumlah pesalah tegar.
- 4.2 Pengurangan kos notis peringatan.
- 4.3 Pengurangan *man-hours* yang boleh melapangkan sedikit masa Pembantu Tadbir Operasi untuk menghantar saman dengan lebih cekap, efisien dan sistematik.
- 4.4 Pemantapan tahap pematuhan masyarakat kepada undang-undang selaras dengan hasrat Majlis untuk membangunkan masyarakat madani.

5.0 PELAN TINDAKAN PROJEK

- 5.1 Tarikh akhir penyertaan KIK 2022 adalah pada 28 Januari 2022 (Jumaat).
- 5.2 Seterusnya, tarikh akhir untuk penghantaran dokumen projek adalah pada 31 Mac 2022 (Jumaat).
- 5.3 Selanjutnya, tarikh akhir penghantaran video projek adalah pada 15 April 2022 (Jumaat).
- 5.5 Berdasarkan kepada perkara di atas, dikemukakan carta perbatuan ringkas untuk rujukan dan makluman Puan Pengarah seperti berikut:

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Perancangan dan Representasi Kumpulan KIK 2022 kepada Pengarah Undang-Undang	28 Januari 2022
2.	Penghantaran Borang Penyertaan Kepada Jabatan Korporat	28 Januari 2022
3.	Kajian dan Perancangan Projek	3 Februari 2022 – 17 Februari 2022 (14 hari)
4.	Kem Inovasi dan Pembangunan Kreativiti	9 Februari 2022 – 10 Februari 2022 (2 hari)
5.	Proses Penyempurnaan Dokumen Projek	18 Februari 2022
6.	Pembentangan Perancangan Projek kepada Pengarah Undang-Undang	21 Februari 2022 – 25 Februari 2022 (5 hari)
7.	Penghantaran Dokumen Projek kepada Jabatan Korporat	28 Februari 2022
8.	Perancangan Video Projek	1 Mac 2022 – 4 Mac 2022 (4 hari)
9.	Proses Penyediaan Video Projek	7 Mac 2022 – 11 Mac 2022 (5 hari)
10.	Pembentangan Video Projek kepada Pengarah Undang-Undang	14 Mac 2022 – 17 Mac 2022 (5 hari)
11.	Penghantaran Video Projek kepada Jabatan Korporat	18 Mac 2022

6.0 SYOR

- 6.1 Sehubungan ini, mengambil kira faktor-faktor yang dinyatakan di para 2.0 – 5.0, saya dengan segala hormatnya memohon pertimbangan dan kelulusan daripada Puan Pengarah untuk menyertai program Kumpulan Inovasi Kreatif (KIK) bagi tahun 2022.
- 6.2 Selanjutnya, saya memohon pertimbangan dan kelulusan Puan Pengarah untuk menandatangani borang penyertaan Jabatan Undang-Undang ke KIK 2022 di lampiran.


Disediakan Oleh:



NUR SYAKIRAH SULAIMAN
Penolong Pengarah,
Jabatan Undang-Undang

Bertarikh: 28 Januari 2022

Diluluskan / Ditolak:



ANITA ABD JALIL, P.P.T.
Pengarah,
Jabatan Undang-Undang

Bertarikh: 28 Januari 2022




Ruj. Fail: MBSJ.JUU.100-7/5/1 (4)

**BORANG PENYERTAAN
KIK MBSJ 2022**

BAHAGIAN A: MAKLUMAT KUMPULAN			
TAJUK PROJEK : "COMPOUND ALERTS"			
NAMA KUMPULAN	<i>TEXT RANGERS</i>	JABATAN	JABATAN UNDANG-UNDANG
AHLI KUMPULAN	1. NUR SYAKIRAH BINTI SULAIMAN 2. NURUL ATIQA BINTI RAZALI 3. UMI KALSUM BINTI RAHMAN 4. LAILA SYOFWATI BINTI ZAINI 5. NOR AIDI BIN AZHAR 6. MOHD ZAKRE BIN MOHD BASRI 7. BUKHARI BIN ISMAIL 8. SHAH EFFENDI BIN SHAPIE		

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENYERTAAN (Sila tandakan (✓) di ruangan)			
INOVASI SOSIAL		INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	
KREATIF		KREATIF	✓
INOVATIF		INOVATIF	

BAHAGIAN C: PENGESAHAN JABATAN		BAHAGIAN D: UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA
Tandatangan & Cop Ketua Jabatan	 ANITA BD JALIN PENGARAH UNDANG-UNDANG JABATAN UNDANG-UNDANG MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA	Cop Terima

*Borang penyertaan perlulah dikembalikan kepada urus setia selewat-lewatnya pada 28 Januari 2022



LAMPIRAN

2

LAPORAN PENUH KEHADIRAN PERBINCANGAN

Tajuk : Perbincangan Penggunaan Sistem Perkhidmatan Pesanan Ringkas Bagi Notis Peringatan Kompaun

Tarikh : 10 Mac 2022 (Khamis)

Masa : 11:00 pagi – 11:45 pagi

Medium : *Google Meet*

Pengerusi : En Mohd Aisamuddin Bin Razali, Pegawai Teknologi Maklumat

Kehadiran :

1. Jabatan Undang-Undang
2. Jabatan Hasil

Ringkasan :

1. Sistem Perkhidmatan Pesanan Ringkas

- a. Sistem Dapat Vista ini dibangunkan oleh MAMPU di bawah pelaksanaan program Satu Negara Satu Nombor 15888.
- b. Pada tahun 2008, pihak Majlis telah mula menggunakan sistem SMS ini di atas saranan dan arahan daripada Yang Dipertua, Datuk Adnan Md Ikshan.
- c. Bagi setiap penghantaran SMS, ada caj RM 0.10 di mana kos ini di bawah VOT Jabatan ICT dan tiada caj kepada Jabatan yang terlibat.
- d. Tindakan penghantaran SMS adalah tanggungjawab Jabatan masing-masing dan Jabatan hanya perlu menyenaraikan wakil-wakil untuk dapatkan akses melalui permohonan kepada ICT.
- e. Penghantaran SMS boleh dibuat secara '*individual*' atau '*batch*'.
- f. Sistem tersebut mempunyai feature '*scheduled message*' yang membolehkan pihak Jabatan membuat perancangan '*ahead of time*'.

2. Pangkalan Data

- a. Setakat ini, pihak MAMPU belum mengintegrasikan sistem dengan sistem JPJ / JPN / agensi-agensi lain. Oleh itu, pihak Majlis perlu memuatnaik secara manual nombor-nombor telefon yang berkaitan.
- b. Bagi kompaun trafik, Jabatan mempunyai akses kepada sistem PBTPay di mana 90% daripada pemilik kenderaan mempunyai nombor telefon. Walau bagaimanapun, isu yang perlu dipertimbangkan di sini adalah sekiranya

nombor telefon pemilik tidak dikemaskini dan seterusnya, SMS dihantar pada orang yang salah.

- c. Bagi kompaun pelbagai, Jabatan Teknologi Maklumat akan membantu memberi Jabatan akses kepada carian global Majlis. Dalam perkara ini, carian global tersebut merangkumi nombor telefon pemegang lesen. Selanjutnya, Jabatan Hasil juga telah mengadakan *Memorandum of Understanding* dengan pihak bank-bank, dan maklumat seperti nama penuh, no kad pengenalan dan nombor telefon individu ada dalam pangkalan data carian global tersebut.
- d. Seterusnya, Pengerusi mencadangkan bahawa Jabatan Undang-Undang menghantar permohonan kepada Smart Selangor App untuk mengintegrasikan maklumat pengguna mereka (terhad kepada pengguna kawasan Majlis) yang merangkumi nama penuh, no telefon dan kad pengenalan.

3. Penggunaan Sistem

- a. Jabatan akan muat turun data daripada sistem IRMS, dan membuat carian nombor telefon berdasarkan kepada maklumat dalam pangkalan data.
- b. Seterusnya, membuat tapisan data. Bagi OKK yang mempunyai nombor telefon, akan dihantar NP melalui SMS. Bagi OKK yang tiada nombor telefon, akan dihantar oleh PTO. Saya mencadangkan kita beri fokus penuh pada OKK yang beralamat di luar kawasan dan memaksimumkan NP trafik secara atas talian untuk membuka ruang kepada PTO untuk fokus pada serahan saman.
- c. Selanjutnya, PTK Pendakwaan akan proses NP seperti biasa dalam sistem, dan PT akan sorting. Bagi NP yang ada nombor telefon, PT akan upload data dalam sistem Data Vista dan seterusnya, broadcast message kepada OKK.
- d. Had jumlah mesej adalah 150 aksara sahaja. Sekiranya 151 aksara ke atas, mesej akan dicaj RM 0.20.
- e. ICT maklumkan walaupun penghantaran NP secara SMS, sistem boleh update status kompaun kepada 'Surat Ingatan Dikeluarkan'.

4. Hal-hal lain

- a. Saya telah memohon ICT menambahbaik sistem dengan mengintegrasikan tindakan di Data Vista dengan IRMS. ICT maklumkan akan mengambil

masa 1-2 bulan memandangkan ICT dalam tindakan menambahbaik banyak sistem Majlis.

- b. Walau bagaimanapun, ICT maklumkan boleh hantar permohonan awal untuk mengambil giliran.

Syor:

1. Lanjutan daripada perbincangan ini, secara jelasnya menunjukkan bahawa pihak Majlis mempunyai kapasiti untuk melaksanakan program KIK Jabatan 2022 iaitu penghantaran Notis Peringatan secara atas talian / SMS.
2. Saya mensarankan Jabatan untuk membuat permohonan kepada semua Jabatan ICT untuk mendapatkan akses kepada carian global (sistem yang mengintegrasikan pangkalan data Jabatan Hasil dan Jabatan Lesen) bagi tujuan mewujudkan database bagi Notis Peringatan. Saya mensasarkan untuk mewujudkan database akan mengambil masa, oleh yang demikian, akses perlu diperolehi pada kadar segera untuk mendapatkan bantuan ICT tentang kaedah terbaik untuk sistem database Jabatan ini.
3. Selanjutnya, saya mencadangkan pihak Jabatan untuk membuat permohonan fasiliti ICT untuk mendapatkan akses pengguna sistem Data Vista bagi semua ahli 'Text Rangers' sebagai persediaan KIK. Pada peringkat awal, Jabatan dicadangkan fokus kepada target KIK (pesalah tegar trafik tahun 2021 dan 2022) untuk belajar dan menyesuaikan proses dengan sistem baru. Setelah KIK selesai dan proses telah berjalan lancar, kita memperluaskan data NP secara keseluruhan.
4. Seterusnya, saya juga mohon untuk mengadakan satu sesi training bersama ICT untuk setiap ahli 'Text Rangers' belajar cara gunakan sistem tersebut bagi memastikan proses ini berjalan lancar.
5. Selanjutnya, saya mohon untuk mengemukakan permohonan kepada Smart Selangor App sekiranya boleh mendapatkan maklumat pangkalan data mereka bagi tujuan penyimpanan rekod Majlis.

Disediakan Oleh:

Nur Syakirah Sulaiman

10 Mac 2022

LAMPIRAN

3

MEMO JABATAN UNDANG-UNDANG

Kepada : P (ICT)	Ruj. Kami : MBSJ.JUU.100-7/5/1 (42) Tarikh : <u>12 Muharam 1444H</u> 10 Ogos 2022
Daripada : P (UU)	S.k : Datuk Bandar Timbalan Datuk Bandar / SU
PERKARA : PENGESAHAN PERBINCANGAN PENGGUNAAN SISTEM PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS BAGI NOTIS PERINGATAN KOMPAUN MELALUI SISTEM DAPAT VISTA	

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk serta perbincangan atas talian di antara Cik Nur Syakirah Sulaiman dan Encik Mohd Aisamuddin Bin Razali bertarikh 10 Mac 2022 (selepas ini dirujuk sebagai 'perbincangan tersebut') adalah berkaitan.

2. Lanjutan daripada perbincangan tersebut, Jabatan mengambil maklum bahawa pihak Majlis boleh membuat penghantaran notis peringatan kompaun secara sistem pesanan ringkas (SMS) menggunakan sistem Dapat Vista. Seterusnya, Jabatan juga mengambil maklum bahawa sistem ini telah mula digunakan pada tahun 2008 di atas saranan dan arahan Yang Dipertua, Datuk Adnan Md Ikshan di bawah pelaksanaan program Satu Negara Satu Nombor 15888. Selanjutnya, pihak tuan juga mengesahkan bahawa kos sebanyak RM 0.10 akan dikenakan bagi setiap notis yang dihantar di mana kos tersebut ditanggung sepenuhnya di bawah VOT pihak tuan.

3. Di atas perkara ini, Jabatan memohon kerjasama pihak tuan untuk mengesahkan bahawa Majlis telah meluluskan penggunaan sistem Dapat Vista tersebut bagi membolehkan pihak Jabatan memulakan tindakan penghantaran notis peringatan kompaun trafik melalui SMS. Seterusnya, Jabatan juga memohon pengesahan pihak tuan bahawa kos penghantaran notis tersebut adalah ditanggung sepenuhnya di bawah VOT pihak tuan.

4. Sehubungan dengan perkara di atas, Jabatan memohon maklum balas daripada pihak tuan dalam tempoh **tiga (3) hari daripada tarikh memo ini dikeluarkan**. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada maklum balas rasmi berkenaan perkara tersebut diterima oleh pihak Jabatan dalam tempoh tersebut, pihak tuan dianggap telah memberi pengesahan terhadap kelulusan Majlis untuk menggunakan sistem Dapat Vista tersebut.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI"

(ANITA ABD JALIL)

Samb : 3148

Emel : anita@mbsj.gov.my

Syakirah

Re: Fw: PENGESAHAN PERBINCANGAN PENGGUNAAN SISTEM PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS BAGI NOTIS PERINGATAN KOMPAUN MELALUI SISTEM DAPAT VISTA

From: "Mohd Aisamuddin Razali" <aisamuddin@mbsj.gov.my>

15/08/22 02:49 PM

To: "Nur Syakirah Binti Sulaiman" <syakirah.sulaiman@mbsj.gov.my>

Cc: "Dato' Johary Bin Anuar ." <johary@mbsj.gov.my>, "Mohd Zulkurnain Che Ali" <mzul@mbsj.gov.my>, "Samzol Saat" <samzol@mbsj.gov.my>, "Anita Abdul Jalil" <anita@mbsj.gov.my>, "Saharani Ismail" <saharani.ismail@mbsj.gov.my>, "Jabatan Teknologi Maklumat" <ict@mbsj.gov.my>

Rujukan Kami : MBSJ.ICT.100-15/2/57(55)

Rujukan Puan : MBSJ.JUU.100-7/5/1(42)

Puan,

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan berdasar arahan dan pelaksanaan program Satu Negara Satu Nombor 15888, Jabatan Teknologi Maklumat telah menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas SMS 15888 bagi saluran hebahan maklumat kepada pelanggan seperti yang di persetujui di bengkel teknologi maklumat pada 11 Februari 2009 dan telah luluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknologi Maklumat Dan Inovasi bil 2/2009 pada tahun 2009. Untuk maklumat puan sehingga kini tiada arahan terkini untuk sebarang perubahan bagi pemakaian saluran perkhidmatan pesanan ringkas hebahan yang lain.

3. Untuk makluman pihak puan, proses pembayaran setiap SMS dengan kadar RM0.10/SMS iainya dibayar menggunakan Vot di Jabatan Perbendaharaan seperti pembayaran penggunaan bil-bil telekomunikasi yang lain. Pihak kami hanya akan memberi kredit berdasarkan permohonan daripada Jabatan. Kami mensyorkan pihak jabatan sila patuh arahan dan menggunakan perkataan yang sesuai bagi memastikan mesej yang disampaikan sampai dan tidak membazir.

Kerjasama pihak puan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih

Sekian, harap maklum.

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

"MESRA CEKAP DAN BERINTEGRITI"

Mohd Aisamuddin Bin Razali
Pegawai Teknologi Maklumat
Majlis Bandaraya Subang Jaya
No.Tel (O): 603-80264373
No. Fax : 603-80246612



www.mbsj.gov.my

Like our Page on Facebook : Majlis Bandaraya Subang Jaya

Follow us on Twitter: @SJcitycouncil

Follow us on Instagram: @MBSubangJaya

Subscribe us on Youtube: MBSubangJaya

-----Original Message-----

From: "Samzol Saat" <samzol@mbsj.gov.my>

To: "Mohd Aisamuddin Razali" <aisamuddin@mbsj.gov.my>

Cc: "Saharani Ismail" <saharani.ismail@mbsj.gov.my>, "Jabatan Teknologi Maklumat" <ict@mbsj.gov.my>

Date: 15/08/22 08:56 AM

Subject: Fw: PENGESAHAN PERBINCANGAN PENGGUNAAN SISTEM PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS BAGI NOTIS PERINGATAN KOMPAUN MELALUI SISTEM DAPAT VISTA

As salam.

Utk makluman dan tindakan.

-----Original Message-----

From: "Nur Syakirah Binti Sulaiman" <syakirah.sulaiman@mbsj.gov.my>

To: "Samzol Saat" <samzol@mbsj.gov.my>

Cc: "Dato' Johary Bin Anuar ." <johary@mbsj.gov.my>, "Mohd Zulkurnain Che Ali" <mzul@mbsj.gov.my>, "Anita Abdul Jalil" <anita@mbsj.gov.my>, "Saharani Ismail" <saharani.ismail@mbsj.gov.my>

Date: 10/08/22 04:45 PM

Subject: PENGESAHAN PERBINCANGAN PENGGUNAAN SISTEM PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS BAGI NOTIS PERINGATAN KOMPAUN MELALUI SISTEM DAPAT VISTA

This email contains attachments that are delivered for download using IceWarp SmartAttach technology. The link(s) to the download(s) will expire on 2022/11/08 (90 days) and you will no longer be able to download the attachment after expiration.

[To learn more about IceWarp SmartAttach, click here](#)

Download Link 1/1: [B&W to Searchable PDF_1_20220810161530274.PDF](#) (0.69 MB)

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

"MESRA CEKAP DAN BERINTEGRITI"

Nur Syakirah Binti Sulaiman

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



www.mbsj.gov.my

Like our Page on Facebook : Majlis Bandaraya Subang Jaya

Follow us on Twitter: @SJcitycouncil

Follow us on Instagram: @MBSubangJaya

Subscribe us on Youtube: MBSubangJaya

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

"MESRA CEKAP DAN BERINTEGRITI"

Samzol Saat

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



www.mbsj.gov.my

Like our Page on Facebook : Majlis Bandaraya Subang Jaya

Follow us on Twitter: @SJcitycouncil

Follow us on Instagram: @MBSubangJaya

Subscribe us on Youtube: MBSubangJaya

LAMPIRAN

4

1. OBJEKTIF	:	Menggariskan tindakan menguruskan prosedur Notis Tawaran Kompaun bagi memastikan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan trafik dilaksanakan dengan cekap dan teratur.
2. SKOP	:	Prosedur ini digunapakai oleh Jabatan Undang-Undang bermula daripada penerimaan dan kutipan bayaran kompaun sehingga tindakan susulan bagi semua jenis pelanggaran undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kesalahan trafik.
3. KPI	:	187 hari daripada tarikh Notis Tawaran Kompaun dikeluarkan.

4. CARTA ALIR	KPI	TANGGUNGJAWAB	DOKUMEN RUJUKAN	NO. RUJUKAN
<pre> graph TD MULA([MULA]) --> S1[1. NTK dikeluarkan oleh Jabatan berkaitan] S1 --> S2[2. Semakan NTK] S2 --> D3{3. OKK Bayar} D3 -- Ya --> A((A)) D3 -- Tidak --> S4[4. Notis Peringatan dikeluarkan] S4 --> D5{5. OKK Bayar} D5 -- Ya --> A D5 -- Tidak --> B((B)) </pre>	14 hari 14 hari	Jabatan Penguatkuasaan EP PT (Pengurusan Kompaun) / Pembekal/ PTO EP	Notis dan Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan; Notis Peringatan Pembayaran Kompaun; Garis Panduan Kadar Kompaun Minima (GPKKM) Majlis Perbandaran Subang Jaya. <u>AKTA</u> Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). <u>PERINTAH</u> Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2017.	

CARTA ALIR	KPI	TANGGUNGJAWAB	DOKUMEN RUJUKAN	NO. RUJUKAN
<pre> graph TD A((A)) --> C[6. Sedia bil bayaran] C --> D([TAMAT]) B((B)) --> E{7. Penerimaan Kertas Siasatan yang lengkap} E -- Ya --> F[9. Tindakan pendakwaan akan diteruskan] F --> D E -- Tidak --> G[8. Batal dalam sistem IRMS] G --> D </pre>	Serta merta 152 hari 7 hari	EP PT (Pengurusan Kompaun) PP		

NO. PROSEDUR : MBSJ.SPB.PT.PK(UU)-01 NO. PINDAAN : 00 TARIKH KUATKUASA : 20 OKTOBER 2020	PENGURUSAN NOTIS TAWARAN KOMPAUN TRAFIK	MUKA SURAT 3 / 4
---	--	-----------------------------------

5. REKOD KUALITI

BIL	JENIS REKOD	TEMPAT SIMPAN	TEMPOH SIMPAN	NO. REKOD
1.	Notis dan Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan	Data Sistem	1 tahun	-
2.	Notis Peringatan Pembayaran Kompaun	Data Sistem	-sda-	-

6. DEFINISI

i) TERMINOLOGI

BIL	TERMINOLOGI	HURAIAN
1.	PEGAWAI YANG DIBERI KUASA	Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan Pegawai Undang-Undang
2.	NTK	Notis Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan
3.	OKK	Orang Kena Kompaun.
4.	IRMS	Integrated Revenue Management System
5.	Kompaun Trafik	Semua kompaun yang melibatkan kesalahan kenderaan-kenderaan motor

NO. PROSEDUR : MBSJ.SPB.PT.PK(UU)-01 NO. PINDAAN : 00 TARIKH KUATKUASA : 20 OKTOBER 2020	PENGURUSAN NOTIS TAWARAN KOMPAUN TRAFIK	MUKA SURAT 4 / 4
---	--	-----------------------------------

ii) SINGKATAN

BIL	TERMINOLOGI	HURAIAN
1.	PP	Pegawai Pendakwa
2.	EP	Eksekutif Pelanggan
3.	PT	Pembantu Tadbir
4.	PTO	Pembantu Tadbir Operasi

LAMPIRAN

5

MANUAL PROSEDUR KERJA PENGHANTARAN NOTIS PERINGATAN KOMPAUN TRAFIK SECARA ATAS TALIAN IAITU MELALUI PERKHIDMATAN SISTEM PESANAN RINGKAS ('SMS') JABATAN UNDANG-UNDANG MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

1.0 TUJUAN

- 1.1)** Prosedur ini diadakan sebagai satu kaedah penghantaran Notis Peringatan Kompaun secara atas talian iaitu melalui perkhidmatan sistem pesanan ringkas ('SMS') bagi memantapkan kaedah penyampaian perkhidmatan sedia ada bagi tindakan penguatkuasaan kompaun trafik yang telah dikeluarkan.
- 1.2)** Prosedur ini digunapakai bagi menjelaskan kepada pegawai dan kakitangan yang diberikuasa berkaitan prosedur penghantaran notis peringatan atas talian terhadap Orang Kena Kompaun (OKK) yang melakukan kesalahan dan melanggar undang undang di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2007 yang digunapakai dan dikuatkuasakan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- 1.3)** Prosedur ini juga bertujuan bagi memudahkan pegawai dan kakitangan yang terlibat membuat penghantaran notis peringatan secara menyeluruh kepada OKK termasuk yang beralamat di luar kawasan Majlis. Selanjutnya, sistem perkhidmatan notis peringatan atas talian ini juga dapat menjimatkan kos pencetakan dan bebanan tenaga kerja yang tinggi kepada penghantar notis Jabatan dalam usaha mengurangkan jumlah pesalah tegar di kawasan Majlis.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1)** Lanjutan daripada perkembangan digitalisasi perkhidmatan kerajaan pasca COVID-19, Jabatan mengambil inisiatif untuk menyahut saranan kerajaan untuk menginovasikan sistem perkhidmatan yang manual kepada digital.
- 2.2)** Di atas perkara ini, Jabatan telah mengadaptasikan sistem penghantaran notis peringatan secara sendiri kepada sistem pesanan ringkas secara terus kepada pesalah untuk memudahkan urusan orang awam menerima peringatan berkenaan kompaun yang telah dikenakan ke atas mereka.
- 2.3)** Sistem yang diguna pakai merupakan milik kerajaan persekutuan sepenuhnya dan tidak melibatkan sebarang penambahbaikan sistem yang baharu. Seterusnya, kos penggunaan sistem ini adalah sebanyak RM 0.10 bagi setiap SMS yang dihantar.
- 2.4)** Mengambil peluang ini, Jabatan berharap agar sistem pesanan ringkas ini dapat dimanfaatkan sebagai pemudahcara bagi pesalah serta kakitangan Jabatan dalam menguruskan sistem perkhidmatan notis peringatan dengan lebih efisien.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1)** Menetapkan kaedah dan prosedur penghantaran notis peringatan atas talian kepada pesalah melalui satu sistem yang lebih cepat, efektif dan mesra pengguna di mana sejumlah notis peringatan boleh disampaikan secara terus dalam satu masa. Notis peringatan juga dapat diserahkan secara terus kepada pesalah tanpa kekangan sama ada yang beralamat di dalam atau luar kawasan Majlis.
- 3.2)** Memantapkan tahap pematuhan masyarakat kepada undang-undang selaras dengan hasrat Majlis untuk membentuk masyarakat madani;
- 3.3)** Mengurangkan jumlah pesalah tegar di kawasan Majlis dengan menggalakkan pembayaran kompaun sekaligus dapat meningkatkan hasil Majlis;
- 3.4)** Mengurangkan tenaga kerja '*man-hours*' yang boleh melapangkan masa Pembantu Tadbir Operasi Jabatan bagi penghantaran saman dengan lebih cekap, efisien dan sistematik; dan
- 3.5)** Mengurangkan kos operasi bagi cetakan notis peringatan yang tinggi.

4.0 PENUTUP

Diharapkan bahawa dengan adanya manual prosedur ini, ianya akan dapat membantu semua pegawai dan kakitangan Jabatan Undang-Undang, Majlis Bandaraya Subang Jaya terutamanya Pembantu Tadbir Operasi dalam melaksanakan penghantaran notis peringatan trafik dengan lebih cekap dalam mengurangkan jumlah pesalah tegar di kawasan Majlis dengan menggalakkan pembayaran kompaun yang lebih mudah sekaligus dapat meningkatkan hasil Majlis.


Disediakan Oleh:

 16/8/22
.....

(CIK NURUL ATIQA BINTI RAZALI)

Penyelaras Projek KIK Jabatan Undang-Undang 2022


Disahkan Oleh:

 16/8/22
.....

(CIK NUR SYAKIRAH BINTI SULAIMAN)

Ketua Kumpulan Projek KIK Jabatan Undang-Undang 2022

Diluluskan Oleh:

 23/8/22
.....

(PUAN ANITA ABD JALIL), P.P.T.

Pengarah Undang-Undang

PROSEDUR KERJA

2.0 PROSEDUR KERJA

Prosedur kerja ini terpakai kepada kesalahan kompaun bagi penghantaran notis peringatan kompaun trafik sahaja.

2.1 PERINGKAT PERTAMA; TAPISAN DATA

- 2.1.1) Hanya Pegawai dan kakitangan yang diberi kuasa untuk mengakses sistem sahaja yang boleh melaksanakan prosedur penghantaran notis peringatan atas talian.
- 2.1.2) Pegawai atau kakitangan hendaklah mengenalpasti data pesalah yang telah dikompaun selepas tamat 14 hari dari tarikh kompaun dikeluarkan untuk penghantaran notis peringatan.
- 2.1.3) Pegawai atau kakitangan hendaklah muat turun data dari sistem IRMS dan membuat carian nombor telefon OKK berdasarkan maklumat dalam pangkalan data.
- 2.1.4) Berdasarkan maklumat pangkalan data yang berjaya dikenalpasti, notis peringatan atas talian melalui sistem akan dihantar secara terus kepada nombor telefon OKK melalui sistem pesanan ringkas (SMS).
- 2.1.5) Walau bagaimanapun, bagi maklumat pangkalan data yang tidak lengkap atau gagal dikenalpasti, notis peringatan akan dihantar oleh Pembantu Tadbir Operasi Jabatan Undang-Undang secara manual berdasarkan alamat OKK seperti kaedah sedia ada.

2.2. PERINGKAT KEDUA; PROSES SISTEM DAPAT VISTA

- 2.2.1) Hanya Pegawai dan kakitangan yang diberi kuasa untuk mengakses sistem sahaja yang boleh melaksanakan prosedur penghantaran notis peringatan atas talian.
- 2.2.2) Pegawai dan kakitangan yang diberi kuasa akan memuat naik data sejumlah nombor telefon OKK mengikut senarai yang telah ditapis di peringkat pertama bagi pengeluaran notis peringatan atas talian di dalam sistem *Dapat Vista*.
- 2.2.3) Pegawai dan kakitangan yang diberi kuasa akan menggunakan satu templat yang telah ditetapkan untuk dihantar melalui mesej siaran (*broadcast SMS*) kepada sejumlah nombor telefon OKK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
- 2.2.4) Penggunaan templat bagi pemakluman notis peringatan kompaun atas talian kepada pesalah di dalam sistem ini hanya memuatkan maksima 150 aksara sahaja yang akan dikenakan bayaran RM 0.10 sen sahaja (Kos penghantaran sms ini adalah ditanggung sepenuhnya di bawah VOT Jabatan Teknologi Maklumat).
- 2.2.5) Seterusnya, notis peringatan akan dihantar secara terus kepada nombor telefon OKK melalui sistem dan OKK akan menerima notis peringatan tersebut melalui SMS yang menyatakan peringatan tunggakan bayaran kompaun dan boleh menekan secara terus pada pautan *link* yang disediakan bagi tujuan pembayaran secara atas talian dengan lebih mudah dan cepat.

2.3. PERINGKAT KETIGA; SEMAKAN DAN PELAPORAN PENGHANTARAN NOTIS PERINGATAN MELALUI SISTEM DAPAT VISTA

- 2.3.1) Pembantu Tadbir (Kanan) Bahagian Pendakwaan membuat semakan sistem dan melengkapkan laporan penghantaran notis peringatan yang telah dikeluarkan untuk rekod Jabatan Undang-Undang.


LAMPIRAN A

RM0.00 MBSJ: Anda
mempunyai tunggakan kompaun.
Sila segerakan pembayaran
kompaun di [https://
ezy.mbsj.gov.my/kompaun](https://ezy.mbsj.gov.my/kompaun).
Tindakan Mahkamah boleh
diambil tanpa notis selanjutnya.

Paparan Templat Notis Peringatan Trafik

CARTA ALIR

1. OBJEKTIF :	Memastikan prosedur penghantaran notis peringatan kampaun trafik melalui sistem pesanan ringkas adalah tepat dan teratur				
2. SKOP :	Prosedur ini diguna pakai oleh Jabatan, Bahagian, Unit dan Seksyen dalam melaksanakan penghantaran notis peringatan kampaun trafik secara sistem pesanan ringkas				
3. KPI :	Memastikan notis peringatan kampaun trafik dihantar melalui sistem pesanan ringkas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kampaun dikeluarkan				
4. CARTA ALIR		KPI	TANGGUNG-JAWAB	SISTEM	ISO RUJUKAN
	14 hari selepas tarikh kampaun	Penyelaras Data Dan Maklumat	Sistem Pengurusan Kampaun Majlis, <i>Integrated Revenue Management System (IRMS)</i>	MBSJ.SPB.PT.PK (UU)-01	
		Penyelaras Data Dan Maklumat	Sistem PBTPay Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan		
		Penyelaras Data Dan Maklumat			



Penyelaras dan Pembantu Bahagian Data Dan Maklumat

Penyelaras dan Pembantu Bahagian Operasi

Pembantu Tadbir Operasi

Penyelaras Bahagian Operasi / Penguatkuasaan

Penguatkuasaan